

## **D.R. 23/95**

### **Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

## **RANG UNDANG-UNDANG PERANCANG BANDAR 1995**

### **SUSUNAN FASAL**

#### **BAHAGIAN I**

##### **PERMULAAN**

###### Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

#### **BAHAGIAN II**

##### **LEMBAGA PERANCANG BANDAR**

3. Penubuhan Lembaga.
4. Keanggotaan Lembaga.
5. Penamatan perlantikan.
6. Pembatalan perlantikan.
7. Pengisian kekosongan.
8. Fungsi Lembaga.
9. Kuasa untuk meminjam.
10. Jawatankuasa.

#### **BAHAGIAN III**

##### **PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR**

11. Daftar.
12. Perlantikan dan tugas Pendaftar.
13. Hak.

## Fasal

14. Sekatan ke atas orang yang tak berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar.
15. Kelayakan bagi pendaftaran.
16. Permohonan pendaftaran.
17. Perakuan pendaftaran.
18. Pendaftaran sementara Perancang Bandar asing.
19. Pemberitahuan mengenai pertukaran alamat.

## BAHAGIAN IV

AMALAN PERANCANGAN BANDAR OLEH  
PERTUBUHAN PERBADANAN

20. Komposisi pertubuhan perbadanan yang boleh menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.
21. Pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.
22. Permohonan permit.
23. Permit.
24. Pemberitahuan mengenai perubahan komposisi dan pertukaran alamat.
25. Lembaga boleh membatalkan permit.
26. Pendengaran kena dijalankan dan hak untuk didengar kena diberikan.
27. Pemberhentian amalan.
28. Pemulangan permit.
29. Lembaga boleh mengeluarkan permit baru.
30. Rayuan terhadap penolakan, syarat dan pembatalan tidak dibenarkan.

## BAHAGIAN V

CELAAN, PENGGANTUNGAN, PEMBATALAN, PENYINGKIRAN  
DAN KEMASUKAN SEMULA

31. Perlantikan dan kuasa Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib.
32. Penggantungan pendaftaran sementara menanti selesai penyiasatan.
33. Perintah Jawatankuasa Tatatertib.
34. Hal keadaan yang mengenainya Jawatankuasa Tatatertib boleh membuat perintah.

## Fasal

35. Pendaftaran adalah batal dan tak sah dalam hal keadaan tertentu.
36. Penyingkiran dari Daftar.
37. Pemulangan perakuan pendaftaran.
38. Kemasukan semula ke dalam Daftar.

## BAHAGIAN VI

## RAYUAN

39. Lembaga Rayuan.
40. Tempoh jawatan dan elaun anggota Lembaga Rayuan.
41. Prosedur Lembaga Rayuan.
42. Rayuan.
43. Prosedur rayuan.

## BAHAGIAN VII

## KESALAHAN-KESALAHAN

44. Kesalahan-kesalahan.
45. Penalti am.
46. Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.
47. Penjalanan pendakwa.
48. Penjalanan prosiding sivil.

## BAHAGIAN VIII

## AM

49. Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati.
50. Kaedah-kaedah.
51. Perancang Bandar berdaftar, Perancang Bandar Siswazah berdaftar, dsb. tertakluk kepada Akta ini.
52. Kecualian tentang hak Kerajaan.

## JADUAL.



## RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran Perancang Bandar dan bagi maksud yang berkaitan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perancang Bandar 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1996. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

**2.** Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"anggota" ertinya anggota Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 dan termasuklah Pengerusi Lembaga;

"Daftar" ertinya Daftar Perancang Bandar yang disebut dalam seksyen 11;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan melalui kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 50;

"jawatankuasa" ertinya jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 10;

"Lembaga" ertinya Lembaga Perancang Bandar yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Perancang Bandar yang dilantik di bawah subseksyen 12(1);

"perakuan pendaftaran" ertinya perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 17(1) dan termasuklah pendua bagi perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen 17(2);

"perakuan pendaftaran sementara" ertinya perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 18(4) dan termasuklah pendua bagi perakuan pendaftaran sementara yang dikeluarkan di bawah subseksyen 18(5);

"Perancang Bandar berdaftar" ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(3);

"Perancang Bandar Siswazah berdaftar" ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 15(1);

"permit" ertinya permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen 23(1) dan termasuklah pendua bagi permit yang dikeluarkan di bawah subseksyen 23(2);

"Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa" ertinya persatuan yang dibentuk oleh Perancang Bandar yang bekerja dalam sektor awam;

"Pertubuhan Perancang Malaysia" termasuklah institut, badan atau pertubuhan yang menggantikannya dan diluluskan oleh Menteri;

"pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar" ertinya pertubuhan perbadanan

yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang telah dikeluarkan kepadanya permit untuk menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar; Akta 125.

"pihak berkuasa awam" mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya dalam Perlembagaan Persekutuan;

"profesion" ertinya profesion perancangan bandar.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA PERANCANG BANDAR

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu lembaga yang hendaklah dikenali sebagai "Lembaga Perancang Bandar" yang hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai biasa. Penubuhan Lembaga.

(2) Lembaga boleh mendakwa dan didakwa dengan nama perbadanannya,

(3) Tertakluk kepada dan bagi maksud Akta ini, Lembaga boleh—

(a) mengikat kontrak; dan

(b) memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati segala perihal harta alih dan tak alih.

(4) Lembaga boleh memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan dan memulangkan, menggadai, menggadai-janji, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahmilikkan atau selainnya melupuskan, atau memperlakukan, harta alih atau tak alih yang terletak pada Lembaga—

(a) mengikut apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Lembaga; dan

(b) tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang menyentuh perkara yang sama.

Keanggotaan  
Lembaga.

4. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota-anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi;
- (b) Presiden Pertubuhan Perancang Malaysia;
- (c) Presiden Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa;
- (d) tujuh anggota yang merupakan Perancang Bandar yang dinamakan dalam senarai penamaan yang dikemukakan oleh Pertubuhan Perancang Malaysia dan mereka itu hendaklah terdiri daripada—
  - (i) tiga orang Perancang Bandar yang berkhidmat dengan suatu pihak berkuasa awam;
  - (ii) tiga orang Perancang Bandar yang menjalankan amalan persendirian selama sekurang-kurangnya sepuluh tahun di Malaysia; dan
  - (iii) seorang Perancang Bandar yang bekerja dengan mana-mana universiti atau institusi pengajian tinggi dan yang bertugas mengajar perancangan bandar dan desa atau perancangan bandar dan wilayah;
- (e) seorang anggota yang dinamakan oleh Lembaga Arkitek daripada kalangan anggota Lembaga itu yang ditubuhkan di bawah Akta Arkitek 1967;
- (f) seorang anggota yang dinamakan oleh Lembaga Jurutera daripada kalangan anggota Lembaga itu yang ditubuhkan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967; dan
- (g) seorang anggota yang dinamakan oleh Lembaga Juruukur daripada kalangan anggota Lembaga itu yang ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958.

*Akta 117.*

*Akta 138.*

*Akta 458.*

(2) Pengerusi dan anggota lain Lembaga yang dilantik di bawah perenggan (d) hingga (g)—

- (a) hendaklah dilantik oleh Menteri bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun;
- (b) melainkan jika dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan terlebih dahulu, hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditentukan dalam suratcara perlantikannya;
- (c) adalah layak dilantik semula apabila habis tempoh jawatannya tetapi tidaklah boleh dilantik bagi lebih daripada tiga penggal berturut-turut; dan
- (d) boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Menteri.

(3) Peruntukan Jadual hendaklah terpakai bagi Lembaga.

**5.** Perlantikan seseorang anggota Lembaga yang dilantik hendaklah tamat— Penamatan perlantikan.

- (a) apabila dia mati; atau
- (b) jika dia meletakkan jawatannya dengan surat yang ditujukan kepada Menteri.

**6.** Menteri boleh menamatkan perlantikan seseorang anggota Lembaga yang dilantik— Pembatalan perlantikan.

- (a) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai anggota Lembaga atau selainnya, ialah kelakuan yang memburukkan nama Lembaga;
- (b) jika dia menjadi tak berupaya untuk menjalankan dengan sepatutnya tugasnya sebagai anggota Lembaga;
- (c) jika dibuktikan terhadapnya, atau jika dia disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud, ketakjujuran atau keburukan akhlak;

- (ii) sesuatu kesalahan di bawah suatu undang-undang berhubungan dengan rasuah;
  - (iii) sesuatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
  - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia didapati atau diisytiharkan tak sempurna akal atau selainnya menjadi tak berupaya untuk menguruskan hal-ehwalnya;
- (f) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran secara bertulis daripada Pengerusi Lembaga;
- (g) jika pendaftarannya dibatalkan atau menjadi batal dan tak sah; atau
- (h) jika namanya disingkirkan dari Daftar.

Pengisian  
kekosongan.

**7.** Jika seseorang anggota yang dilantik terhenti daripada menjadi anggota Lembaga, Menteri boleh melantik orang lain untuk mengisi kekosongan itu selama baki tempoh yang baginya anggota yang mengosongkan jawatan itu telah dilantik.

Fungsi  
Lembaga.

**8.** Fungsi Lembaga ialah—

- (a) menyimpan dan menyenggara Daftar;
- (b) meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Akta ini;
- (c) menetapkan skala fee yang akan dicajkan oleh Perancang Bandar berdaftar bagi nasihat profesional dan khidmat profesional yang diberikannya;
- (d) menentukan etika profesion;
- (e) mengawalselia tatakelakuan profesion;
- (f) mendengar dan memutuskan sendiri atau melantik suatu jawatankuasa atau penimbang-

tara untuk mendengar dan memutuskan pertikaian berhubungan dengan—

- (i) tatakelakuan profesional; dan
- (ii) etika profesional,

Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar;

- (g) mewakili profesion dalam apa-apa perkara yang perlu atau suaimanfaat;
- (h) memeriksa, membuat laporan dan syor mengenai perundangan semasa dan apa-apa perkara lain yang menyentuh profesion kepada—
  - (i) kerajaan;
  - (ii) pihak berkuasa awam; atau
  - (iii) institut, badan atau pertubuhan yang pada masa ini mewakili profesion;
- (i) melantik suatu panel, jika diperlukan sedemikian, untuk menjalankan peperiksaan bagi penerimaan masuk ke profesion itu, yang terdiri daripada—
  - (i) seorang anggota Lembaga; dan
  - (ii) Perancang Bandar-Perancang Bandar yang ditentukan oleh Lembaga;
- (j) melantik seseorang untuk mewakilinya dalam sesuatu badan atau panel pemeriksa yang boleh dilantik oleh sesuatu institut, badan atau pertubuhan yang pada masa ini mewakili profesion;
- (k) membuat syor kepada pihak berkuasa yang relevan berhubungan dengan apa-apa peperiksaan untuk kelayakan bagi penerimaan masuk ke profesion;
- (l) melantik anggota-anggota Lembaga untuk menganggotai sesuatu lembaga, jawatankuasa atau badan yang ditubuhkan bagi apa-apa maksud yang menyentuh profesion; dan
- (m) melantik anggota-anggota Lembaga untuk menganggotai lembaga badan profesional lain sebagaimana yang perlu.

Kuasa untuk meminjam.

**9.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri dan mengikut apa-apa terma dan syarat yang ditentukan olehnya, meminjam apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Lembaga—

- (a) bagi melaksanakan fungsinya; dan
- (b) bagi menunaikan obligasinya.

Jawatankuasa.

**10.** (1) Lembaga boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa yang difikirkan suaimanfaat olehnya—

- (a) untuk menasihatinya tentang perkara-perkara berkenaan dengan fungsinya, kuasanya dan tugasnya;
- (b) bagi penunaian yang sepatutnya akan fungsinya, perjalanan yang sepatutnya akan kuasanya dan pelaksanaan yang sepatutnya akan tugasnya;
- (c) bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan fungsinya, kuasanya atau tugasnya; atau
- (d) untuk menjalankan fungsinya, kuasanya atau tugasnya yang ditentukan atau diwakilkan olehnya kecuali yang berhubungan dengan kuasanya di bawah seksyen 50.

(2) Maka hendaklah dilantik ke sesuatu jawatankuasa sekurang-kurangnya seorang anggota Lembaga dan manamana orang lain yang difikirkan layak oleh Lembaga.

(3) Anggota sesuatu jawatankuasa hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

(4) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(5) Tertakluk kepada Akta ini dan arahan yang diberikan oleh Lembaga, sesuatu jawatankuasa boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

(6) Sesuatu jawatankuasa hendaklah mematuhi arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(7) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud menasihatnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat itu.

(8) Seseorang yang diundang di bawah subseksyen (7) hendaklah dibayar apa-apa fee yang ditentukan oleh Lembaga.

- (9) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan—
- (a) minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
  - (b) salinan minit kesemua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang praktik.

### BAHAGIAN III

#### PENDAFTARAN PERANCANG BANDAR

**11.** (1) Daftar Perancang Bandar hendaklah dalam dua Daftar seksyen yang berikut:

- (a) Seksyen A - yang hendaklah mengandungi nama, alamat perniagaan dan butir-butir lain Perancang Bandar berdaftar; dan
- (b) Seksyen B - yang hendaklah mengandungi nama, alamat dan butir-butir lain Perancang Bandar Siswazah berdaftar.

(2) Daftar hendaklah disimpan dan disenggara di pejabat Lembaga dan hendaklah ada akses bagi pemeriksaan awam ke atasnya.

(3) Tiada pindaan atau perubahan boleh dibuat kepada Daftar tanpa mendapat kelulusan Lembaga terlebih dahulu.

(4) Sekiranya—

- (a) suatu perintah dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib di bawah seksyen 33;

- (b) berlaku mana-mana hal keadaan yang menjadikan pendaftaran batal dan tak sah di bawah seksyen 35;
- (c) suatu penyingkiran dari Daftar dibuat di bawah seksyen 36;
- (d) suatu kemasukan semula ke dalam Daftar dibuat di bawah seksyen 38; atau
- (e) mengenai—
  - (i) apa-apa hal keadaan lain yang berlaku; atau
  - (ii) apa-apa keputusan atau perintah lain yang dibuat, termasuklah berkenaan dengan rayuan yang dibuat di bawah Akta ini, yang menyentuh pendaftaran seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar,

maka Lembaga hendaklah menyebabkan suatu catatan dibuat dalam Daftar dengan sewajarnya.

Perlantikan  
dan tugas  
Pendaftar.

**12.** (1) Menteri hendaklah melantik seorang Pendaftar Perancang Bandar yang hendaklah berada di bawah arahan dan pengawasan am Lembaga.

(2) Pendaftar hendaklah—

- (a) menandatangani kesemua perakuan pendaftaran, perakuan pendaftaran sementara dan permit;
- (b) tertakluk kepada subseksyen 11(3), merekodkan kesemua catatan yang dikehendaki dibuat ke dalam Daftar;
- (c) dengan seberapa segera yang praktik selepas 1 Januari setiap tahun, menyiarkan dalam *Warta* suatu senarai nama dan alamat kesemua Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar;

(d) dari semasa ke semasa, menyiarkan dalam *Warta* suatu senarai nama dan alamat Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar—

- (i) yang ditambahkan kepada;
- (ii) yang disingkirkan dari; atau
- (iii) yang dimasukkan semula ke dalam,

Daftar; dan

(e) menyiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar tempatan, satu dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam apa-apa bahasa lain, nama dan alamat Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar—

- (i) yang disingkirkan dari; dan
- (ii) dimasukkan semula ke dalam,

Daftar, dalam masa tiga puluh hari dari penyingkiran atau kemasukan semula itu.

(3) Dalam apa-apa prosiding, senarai yang disiarkan dalam *Warta* di bawah perenggan (2)(c) dan (d) hendaklah menjadi bukti *prima facie* bahawa Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar yang namanya terdapat dalam senarai itu—

- (a) ialah seorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar;
- (b) telah disingkirkan dari Daftar; atau
- (c) telah dimasukkan semula ke dalam Daftar,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Pendaftar boleh menyiarkan secara tahunan dan menawarkan untuk jualan salinan Daftar.

**13.** (1) Tiap-tiap Perancang Bandar berdaftar berhak— Hak.

- (a) menyediakan rancangan pemajuan seperti rancangan struktur dan rancangan tempatan bagi maksud Akta Perancangan Bandar dan Desa *Akta 172.* 1976;

- (b) menjalankan kajian perancangan pembangunan bandar, luar bandar dan wilayah, dan kajian kebolehlaksanaan dan penilaian kesan alam sekitar berhubung dengan kegunaan tanah; dan
- (c) menyediakan dan mengemukakan permohonan kebenaran merancang, susunatur pecan bahagian, lakaran dan laporan perancangan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa awam bagi maksud membangunkan mana-mana tanah.

(2) Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini boleh menjejaskan hak mana-mana orang lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain untuk membuat mana-mana perkara di bawah subseksyen (1).

Sekatan ke atas orang yang tak berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar.

**14.** (1) Tiada seorang pun melainkan jika dia ialah seorang Perancang Bandar berdaftar—

- (a) boleh menggunakan gelaran "Perancang Bandar berdaftar" atau apa-apa gelaran dalam apa-apa bahasa yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai membayangkan bahawa dia ialah seorang Perancang Bandar berdaftar;
- (b) boleh menggunakan atau mempamerkan apa-apa papan tanda, papan, kad atau alat lain yang menggambarkan atau membayangkan bahawa dia ialah seorang Perancang Bandar berdaftar; atau
- (c) berhak mendapatkan dalam mana-mana mahkamah apa-apa fee, caj atau saraan bagi nasihat profesional atau khidmat profesional yang diberikan olehnya.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), seseorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar boleh, dengan kelulusan Lembaga, bekerja sebagai Perancang Bandar.

15. (1) Seseorang yang mempunyai—

- (a) kelayakan yang dikehendaki bagi Keanggotaan Siswazah Pertubuhan Perancang Malaysia; atau
- (b) apa-apa kelayakan lain yang difikirkan oleh Lembaga setara dengannya,

Kelayakan  
bagi  
pendaftaran.

berhak, apabila permohonan dibuat olehnya, untuk didaftarkan di bawah Seksyen B Daftar sebagai Perancang Bandar Siswazah berdaftar.

(2) Seseorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar adalah dikehendaki memperolehi pengalaman amali yang ditetapkan oleh Lembaga, selepas berunding dengan Menteri dan Pertubuhan Perancang Malaysia, supaya menjadi berhak untuk memohon didaftarkan sebagai Perancang Bandar berdaftar.

(3) Orang yang berikut berhak, apabila permohonan dibuat olehnya, untuk didaftarkan di bawah Seksyen A Daftar sebagai Perancang Bandar berdaftar:

- (a) mana-mana orang yang—
  - (i) merupakan seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar; dan
  - (ii) telah memperolehi pengalaman amali yang ditetapkan di bawah subseksyen (2); dan
- (b) mana-mana orang yang, pada 1 Januari 1996, ialah Anggota Korporat Pertubuhan Perancang Malaysia.

(4) Walau apa pun subseksyen (3), seseorang tidak berhak didaftarkan sebagai Perancang Bandar berdaftar melainkan jika pada masa permohonan pendaftaran—

- (a) dia seorang warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;
- (b) dia sedang bermastautin di Malaysia; dan
- (c) dia telah bermastautin di Malaysia selama suatu tempoh tidak kurang dari enam bulan sebelum tarikh permohonan itu.

## (5) Mana-mana orang—

- (a) yang namanya telah disingkirkan dari Daftar di bawah perenggan 36(b); dan
- (b) yang tidak memohon untuk dimasukkan semula ke dalam Daftar dalam masa lima tahun dari tarikh penyingkiran itu,

berhak, apabila permohonan dibuat olehnya, untuk didaftarkan di bawah Seksyen A Daftar.

(6) Tiada seorang pun berhak untuk didaftarkan sebagai Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar jika pada bila-bila masa sebelum pendaftarannya wujud apa-apa hal keadaan yang boleh menjadikan pendaftarannya batal dan tak sah di bawah seksyen 35.

Permohonan pendaftaran.

**16.** Sesuatu permohonan pendaftaran di bawah seksyen 15 hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan dan disertai fee yang ditetapkan.

Perakuan pendaftaran.

**17.** (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada seseorang pemohon yang permohonan pendaftarannya diluluskan oleh Lembaga suatu perakuan pendaftaran dalam borang yang ditetapkan setelah menerima fee yang ditetapkan.

(2) Seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar yang kehilangan perakuan pendaftarannya hendaklah dikeluarkan kepadanya suatu pendua bagi perakuan pendaftaran itu apabila permohonan dibuat olehnya dan fee yang ditetapkan dibayar.

## (3) Sesuatu perakuan pendaftaran—

- (a) hendaklah habis tempoh pada 31 Disember tahun ia dikeluarkan; dan
- (b) boleh dibaharui secara tahunan setelah fee yang ditetapkan dibayar.

**18.** (1) Lembaga boleh, apabila permohonan dibuat olehnya dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan dan fee yang ditetapkan dibayar, meluluskan pendaftaran sementara sebagai Perancang Bandar berdaftar seseorang Perancang Bandar asing yang merupakan perunding kepada sesuatu projek—

Pendaftaran  
sementara  
Perancang  
Bandar asing.

- (a) yang dibiayai sepenuhnya oleh sesuatu kerajaan asing; atau
- (b) yang dilaksanakan di bawah perkiraan dwipihak antara kerajaan-kerajaan.

(2) Seseorang Perancang Bandar asing boleh dipertimbangkan bagi pendaftaran sementara jika dia memuaskan Lembaga bahawa—

- (a) dia memiliki kelayakan yang perlu yang diiktiraf bagi amalan perancangan bandar di negara yang dia biasanya menjalankan amalan;
- (b) dia memiliki kepakaran yang perlu; dan
- (c) kehadirannya secara fizikal dikehendaki di Malaysia selama tempoh tidak kurang daripada satu ratus lapan puluh hari dalam satu tahun kalendar atau dia ialah wakil pemastautin bagi komponen asing sesuatu usahasama.

(3) Lembaga boleh meluluskan suatu pendaftaran sementara bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun kalendar dan, apabila permohonan dibuat, boleh membaharui pendaftaran sementara itu sebagaimana yang difikirkan patut olehnya.

(4) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sementara dalam borang yang ditetapkan kepada seseorang Perancang Bandar asing yang permohonan pendaftaran semmentaranya diluluskan oleh Lembaga setelah menerima fee yang ditetapkan.

(5) Seseorang Perancang Bandar asing yang kehilangan perakuan pendaftaran semmentaranya hendaklah dikeluarkan kepadanya suatu pendua bagi perakuan pendaftaran sementara itu apabila permohonan dibuat olehnya dan fee yang ditetapkan dibayar.

(6) Seseorang Perancang Bandar asing yang tak berpuas hati dengan keputusan Lembaga yang menolak permohonannya bagi pendaftaran sementara atau pembaharuan pendaftaran sementara boleh, dalam masa dua puluh satu hari dari diberitahu mengenai tarikh penolakan itu, merayu kepada Menteri.

(7) Keputusan Menteri atas rayuan di bawah subseksyen (6) adalah muktamad dan tidak boleh dirayui.

(8) Bagi maksud seksyen ini, "Perancang Bandar asing" ertinya seseorang Perancang Bandar yang bukan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia.

Pemberitahuan mengenai pertukaran alamat.

**19.** Tiap-tiap Perancang Bandar berdaftar, Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar asing hendaklah memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamat perniagaannya atau alamat surat-menyuratnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa empat belas hari dari pertukaran itu.

#### BAHAGIAN IV

##### AMALAN PERANCANGAN BANDAR OLEH PERTUBUHAN PERBADANAN

Komposisi pertubuhan perbadanan yang boleh menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

**20.** Lembaga boleh mengeluarkan permit kepada sesuatu pertubuhan perbadanan untuk ia menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar jika—

- (a) lembaga pengarah pertubuhan perbadanan itu terdiri daripada—
  - (i) keseluruhannya orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar;
  - (ii) sebilangan besarnya orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar, dan orang perseorangan lain yang adalah Jurutera Profesional, Juruukur Bahan, Juruukur Tanah atau Arkitek yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan pendaftaran profesion-profesion itu; atau

- (iii) sebilangan besarnya orang perseorangan yang adalah Perancang Bandar berdaftar, dan orang perseorangan lain yang berada dalam profesion yang ada hubungan dengan amalan perancangan bandar yang diluluskan oleh Lembaga; dan
- (b) semua saham pertubuhan perbadanan itu dipegang oleh sama ada orang yang disebut dalam subperenggan (a)(i), (a)(ii) atau (a)(iii) dan bahawa Perancang Bandar berdaftar itu—
  - (i) hendaklah mempunyai kepentingan kawalan; dan
  - (ii) memegang apa-apa peratusan saham mengundi dalam pertubuhan perbadanan itu yang ditetapkan oleh Lembaga.

**21.** Suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar—

Pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

- (a) boleh menggunakan gelaran "Perancang Bandar berdaftar" atau apa-apa gelaran dalam apa-apa bahasa yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai membayangkan bahawa ia ialah suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar;
- (b) boleh menggunakan atau mempamerkan apa-apa papan tanda, papan, kad atau alat lain yang menggambarkan atau membayangkan yang ia ialah suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar; dan
- (c) berhak mendapatkan dalam mana-mana mahkamah apa-apa fee, caj atau saraan bagi nasihat profesional atau khidmat profesional yang diberikan olehnya.

**22.** Sesuatu permohonan permit oleh sesuatu pertubuhan perbadanan untuk menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan dan disertai fee yang ditetapkan.

Permohonan permit.

- Permit. **23.** (1) Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada suatu pertubuhan perbadanan jika permohonannya untuk menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar diluluskan oleh Lembaga suatu permit dalam borang yang ditetapkan setelah menerima fee yang ditetapkan.
- (2) Sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar yang telah kehilangan permitnya hendaklah dikeluarkan kepadanya suatu pendua bagi permit itu apabila permohonan dibuat dan fee yang ditetapkan dibayar.
- (3) Sesuatu permit—
- (a) hendaklah habis tempoh pada 31 Disember tahun ia dikeluarkan; dan
  - (b) boleh dibaharui secara tahunan setelah fee yang ditetapkan dibayar.
- Pemberitahuan mengenai perubahan komposisi dan pertukaran alamat. **24.** Sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah memberitahu Lembaga—
- (a) mengenai apa-apa perubahan dalam komposisi lembaga pengarahnya atau pemegang sahamnya dalam suatu laporan yang mengandungi butir-butir penuh mengenai perubahan itu, dalam masa tiga puluh hari dari perubahan itu; dan
  - (b) mengenai apa-apa pertukaran alamat perniagaannya, dalam masa empat belas hari dari pertukaran itu.
- Lembaga boleh membatalkan permit. **25.** Lembaga boleh membatalkan permit yang dikeluarkan kepada suatu pertubuhan perbadanan jika Lembaga mendapati bahawa—
- (a) pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana pengarahnya atau pemegang sahamnya telah melanggar atau tidak mematuhi atau tidak menjalankan mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga;
  - (b) komposisi lembaga pengarah pertubuhan perbadanan itu tidak lagi menepati perenggan 20(a);

- (c) pemegangan saham pertubuhan perbadanan itu tidak lagi menepati perenggan 20(b);
- (d) pertubuhan perbadanan itu telah melanggar kehendak seksyen 24;
- (e) seorang pengarah atau pemegang saham pertubuhan perbadanan itu, sama ada dia seorang Perancang Bandar berdaftar atau bukan—
  - (i) bersalah atas;
  - (ii) telah melakukan;
  - (iii) terbabit dalam; atau
  - (iv) merupakan antara sebab,
 mana-mana perbuatan atau hal yang dinyatakan dalam subseksyen 34(1); atau
- (f) wujud mana-mana hal keadaan di bawah seksyen 35 berhubungan dengan seorang pengarah atau pemegang saham pertubuhan perbadanan itu, sama ada dia seorang Perancang Bandar berdaftar atau bukan.

**26.** (1) Lembaga tidak boleh membatalkan permit yang dikeluarkan kepada sesuatu pertubuhan perbadanan melainkan jika—

- (a) suatu pendengaran diadakan mengenai aduan terhadap pertubuhan perbadanan itu atau mana-mana pengarahnya atau pemegang sahamnya yang menyebabkan atau merupakan antara sebab kepada atau terbabit dalam aduan itu; dan
- (b) suatu peluang untuk didengar—
  - (i) sama ada melalui seorang wakil yang dilantik secara bertulis atau melalui peguam dalam hal suatu pertubuhan perbadanan; atau
  - (ii) sama ada secara sendiri atau melalui peguam dalam hal seorang pengarah atau pemegang saham,

telah diberikan kepada pertubuhan perbadanan, pengarah atau pemegang saham itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pendengaran  
kena  
dijalankan  
dan hak  
untuk  
didengar  
kena  
diberikan.

(2) Pendengaran di bawah subseksyen (1) hendaklah dijalankan oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bilangan anggota Lembaga.

(3) Jika aduan itu berasaskan perenggan 25(*e*) atau (*f*), maka Lembaga tidak boleh membatalkan permit itu sekiranya, pada tarikh pendengaran, pertubuhan perbadanan itu memuaskan Lembaga bahawa—

(*a*) pengarah atau pemegang saham yang—

(i) bersalah atas;

(ii) telah melakukan;

(iii) terbabit dengan; atau

(iv) merupakan antara sebab,

perbuatan atau hal yang menjadi alasan aduan itu telah terhenti daripada menjadi pengarah atau pemegang saham pertubuhan perbadanan itu;

(*b*) walau apa pun perenggan (*a*), komposisi lembaga pengarah dan pemegang saham pertubuhan perbadanan itu menepati seksyen 20; dan

(*c*) tidak ada pengarah atau pemegang saham lain, selain daripada dengan sebab dia ialah pengarah atau pemegang saham pertubuhan perbadanan itu pada tarikh material itu, yang dengan apa-apa cara terbabit atau bersangkutan-paut dengan perbuatan atau hal yang menjadi alasan aduan itu.

Pemberhentian  
amalan.

**27.** (1) Apabila Lembaga membatalkan permitnya, pertubuhan perbadanan itu hendaklah terhenti daripada menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar.

(2) Walau apa pun pertubuhan perbadanan itu berhak untuk mendapatkan dalam mana-mana mahkamah apa-apa fee, caj atau saraan bagi nasihat profesional atau khidmat profesional yang diberikannya jika nasihat atau khidmat itu diberikan sebelum tarikh penerimaan notis daripada Lembaga tentang pembatalan permitnya.

**28.** Sesuatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar hendaklah memulangkan kepada Lembaga permit yang dikeluarkan kepadanya, dalam masa empat belas had dari ia diberitahu melalui pos berdaftar mengenai pembatalan itu.

Pemulangan permit.

**29.** (1) Lembaga boleh mengeluarkan suatu permit baru kepada suatu pertubuhan perbadanan yang permitnya telah dibatalkan, apabila permohonan dibuat oleh pertubuhan perbadanan itu jika Lembaga berpuas hati bahawa—

Lembaga boleh mengeluarkan permit baru.

(a) sebab yang membawa kepada pembatalan itu tidak lagi wujud; dan

(b) komposisi lembaga pengarah dan pemegang saham pertubuhan perbadanan itu, pada masa permohonan itu dibuat, menepati seksyen 20.

(2) Pada mengeluarkan suatu permit baru, Lembaga boleh mengenakan terma, syarat dan sekatan tambahan yang difikirkan patut olehnya.

**30.** Maka tidaklah boleh ada rayuan terhadap—

Rayuan terhadap penolakan, syarat dan pembatalan tidak dibenarkan.

(a) penolakan Lembaga untuk mengeluarkan permit kepada suatu pertubuhan perbadanan untuk menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar;

(b) apa-apa terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga ke atas suatu permit; dan

(c) pembatalan permit.

## BAHAGIAN V

### CELAAN, PENGGANTUNGAN, PEMBATALAN, PENYINGKIRAN DAN KEMASUKAN SEMULA

**31.** Lembaga hendaklah melantik—

Perlantikan dan kuasa Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib.

(a) suatu Jawatankuasa Penyiasatan, yang terdiri daripada tiga anggota Lembaga, untuk menyiasat sesuatu aduan yang dibuat terhadap seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar; dan

- (b) suatu Jawatankuasa Tatatertib, yang terdiri daripada lima anggota Lembaga yang bukan anggota Jawatankuasa Penyiasatan, untuk membuat siasatan mengenai sesuatu aduan yang dirujukkan kepadanya oleh Jawatankuasa Penyiasatan.

Penggantungan pendaftaran sementara menanti selesai penyiasatan.

**32.** (1) Lembaga boleh, jika difikirkan patut olehnya, menggantung pendaftaran seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar selama suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan sementara menanti selesai apa-apa penyiasatan oleh Jawatankuasa Penyiasatan di bawah perenggan 31(a).

(2) Dalam masa tempoh penggantungan, Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar itu tidak boleh menjalankan apa-apa hak atau keistimewaan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

Perintah Jawatankuasa Tatatertib.

**33.** Jawatankuasa Tatatertib boleh memerintahkan mana-mana satu atau mana-mana kombinasi dua atau lebih yang berikut:

- (a) pengeluaran suatu celaan bertulis;
- (b) pengenaan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit;
- (c) penggantungan bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun;
- (d) pembatalan pendaftaran.

Hal keadaan yang mengenainya Jawatankuasa Tatatertib boleh membuat perintah.

**34.** (1) Suatu perintah di bawah seksyen 33 boleh dibuat terhadap seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) jika dia menawarkan atau menerima suatu komisen yang pada pendapat Jawatankuasa Tatatertib ialah komisen haram;

- (b) jika semasa bertindak dalam kapasiti profesionalnya, dia pada masa yang sama dan tanpa memberitahu fakta itu kepada kliennya—
- (i) ialah seorang pengarah, atau pemegang saham substansial dalam, atau ejen bagi suatu syarikat, firma atau perniagaan pejanji; atau
  - (ii) mempunyai suatu kepentingan kewangan dalam syarikat, firma atau perniagaan yang dengannya dia berurusan bagi pihak kliennya;
- (c) jika pendaftarannya telah diperolehi melalui fraud atau salah nyataan;
- (d) jika dia didapati bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib atas suatu perbuatan atau kelakuan yang pada pendapat Jawatankuasa Tatatertib adalah mengaibkan atau keji;
- (e) jika dia didapati oleh Jawatankuasa Tatatertib telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini;
- (f) jika dia tidak menjalankan atau menurut mana-mana terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga ke atas pendaftarannya;
- (g) jika dia—
- (i) memperolehi;
  - (ii) menyebabkan pemerolehan; atau
  - (iii) dalam apa-apa cara terbabit dengan pemerolehan,
- suatu permit bagi pertubuhan perbadanan yang dia ialah pengarahnya atau pemegang sahamnya, secara fraud atau salahnyataan;
- (h) jika dia, sebagai pengarah atau pemegang saham suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar—
- (i) menyembunyikan;

- (ii) menyebabkan penyembunyian; atau
- (iii) dengan apa-apa cara terbabit dengan penyembunyian,

kewujudan apa-apa fakta atau hal keadaan dari Lembaga yang, jika diketahui, akan memberikan hak kepada Lembaga untuk membatalkan permitnya;

- (i) jika dia, atas kapasitinya sebagai pengarah atau pemegang saham suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar—

- (i) melanggar;
- (ii) menyebabkan pelanggaran;
- (iii) dengan apa-apa cara terbabit dengan pelanggaran;
- (iv) tidak menjalankan; atau
- (v) tidak menurut,

terma, syarat atau sekatan atas permit;

- (j) jika dia menyebabkan atau membenarkan atau membiarkan suatu pertubuhan perbadanan yang dia ialah pengarahnya atau pemegang saham—

- (i) menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar sebelum permit dikeluarkan; atau
- (ii) terus menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar selepas Lembaga membatalkan permitnya.

(2) Suatu peluang untuk didengar sama ada secara sendiri atau melalui peguam hendaklah diberikan kepada Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar yang terhadapnya Jawatankuasa Tatatertib berniat untuk membuat suatu perintah, sebelum perintah itu dibuat.

**35.** Pendaftaran seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar adalah batal dan tak sah dalam mana-mana hal keadaan yang berikut:

Pendaftaran adalah batal dan tak sah dalam hal keadaan tertentu.

- (a) jika dibuktikan terhadapnya, atau jika dia disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) sesuatu kesalahan yang melibatkan fraud, ketakjujuran atau keburukan akhlak;
  - (ii) sesuatu kesalahan di bawah suatu undang-undang berhubung dengan rasuah;
  - (iii) sesuatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
  - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih daripada dua tahun;
- (b) jika kelayakannya di bawah seksyen 15 ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang melaluinya kelayakan itu diperolehi atau yang olehnya kelayakan itu diawardkan;
- (c) jika dia didapati atau diisytiharkan tak sempurna akal atau selainnya menjadi tak berupaya untuk melaksanakan tugas profesionalnya; atau
- (d) jika dia menjadi bankrap.

**36.** Maka hendaklah disingkirkan dari Daftar nama dan butir-butir lain seorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar—

Penyingkiran dari Daftar.

- (a) yang telah meninggal dunia;
- (b) yang tidak membaharui pendaftarannya dalam masa tiga bulan dari habis tempohnya;
- (c) yang tidak membayar denda yang dikenakan ke atasnya di bawah perenggan 33(6);
- (d) yang amalannya telah digantung di bawah perenggan 33(c);
- (e) yang pendaftarannya telah dibatalkan di bawah perenggan 33(d); atau

(f) yang pendaftarannya adalah batal dan tak sah di bawah seksyen 35.

Pemulangan  
perakuan  
pendaftaran.

**37.** Seseorang yang namanya telah disingkirkan dari Daftar hendaklah memulangkan kepada Lembaga perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepadanya, dalam masa empat belas hari dari dia diberitahu melalui pos berdaftar mengenai penyingkiran itu.

Kemasukan  
semula ke  
dalam Daftar.

**38.** (1) Seseorang yang namanya telah disingkirkan dari Daftar menurut kuasa suatu perintah Jawatankuasa Tatatertib hendaklah dengan seberapa segera yang praktik dimasukkan semula ke dalam Daftar jika rayuannya dibenarkan.

(2) Seseorang yang namanya telah disingkirkan dari Daftar kerana tidak membaharui pendaftarannya hendaklah dengan seberapa segera yang praktik dimasukkan semula ke dalam Daftar—

- (a) selepas dia memberitahu Pendaftar akan hasratnya untuk dimasukkan semula dalam masa lima tahun dari penyingkiran itu; dan
- (b) setelah fee yang ditetapkan dibayar.

## BAHAGIAN VI

### RAYUAN

Lembaga  
Rayuan.

**39.** Bagi maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan suatu Lembaga Rayuan yang terdiri daripada—

- (a) seorang Hakim Mahkamah Tinggi atau seorang bekas Hakim Mahkamah Tinggi, sebagai Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara; dan
- (b) dua orang lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tempoh  
jawatan dan  
elaun  
anggota  
Lembaga  
Rayuan.

**40.** Seseorang anggota Lembaga Rayuan hendaklah—

- (a) melainkan jika dia meletakkan jawatan terlebih dahulu atau perlantikannya dibatalkan terlebih

dahulu, memegang jawatan selama tempoh yang ditentukan dalam suratcara perlantikannya;

- (b) layak untuk dilantik semula; dan
- (c) dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri.

**41.** Lembaga Rayuan hendaklah menurut budi bicaranya menentukan prosedurnya sendiri. Prosedur  
Lembaga  
Rayuan.

**42.** Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Akta ini seseorang— Rayuan.

- (a) yang telah ditolak pendaftarannya oleh Lembaga;
- (b) yang telah didaftarkan tetapi tak berpuas hati dengan apa-apa terma, syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga;
- (c) yang tak berpuas hati dengan perintah yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib; atau
- (d) yang namanya telah disingkirkan dari Daftar,

boleh merayu kepada Lembaga Rayuan dalam masa tiga puluh hari dari dia diberitahu mengenai perkara yang dirayunya.

**43.** (1) Suatu notis rayuan hendaklah dibuat kepada Lembaga Rayuan. Prosedur  
rayuan.

(2) Apabila menerima notis rayuan, Pengerusi Lembaga Rayuan, atau semasa ketiadaannya, anggota yang diwakili olehnya untuk berbuat sedemikian, hendaklah menyebabkan Lembaga menyediakan dan menghantar kepada Lembaga Rayuan—

- (a) rekod atau suatu ringkasan rekod prosiding Lembaga; dan
- (b) alasan-alasan keputusan Lembaga,

mengenai perkara yang dirayui.

(3) Apabila menerima rekod atau ringkasan rekod dan alasan-alasan keputusan Lembaga, Pengerusi Lembaga Rayuan hendaklah mengadakan suatu sidang Lembaga Rayuan untuk mendengar rayuan itu.

(4) Peluang untuk didengar sama ada secara sendiri atau melalui peguam hendaklah diberikan oleh Lembaga Rayuan kepada seorang perayu.

(5) Selepas mendengar rayuan itu Lembaga Rayuan boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Lembaga.

(6) Keputusan Lembaga Rayuan adalah muktamad.

(7) Lembaga hendaklah dengan segera memberi kuatkuasa kepada suatu perintah yang dibuat oleh Lembaga Rayuan.

## BAHAGIAN VII

### KESALAHAN-KESALAHAN

Kesalahan-kesalahan.

- 44.** (1) Seseorang melakukan kesalahan jika dia—
- (a) memperolehi atau menyebabkan pemerolehan suatu perakuan pendaftaran, perakuan pendaftaran sementara atau permit dengan—
    - (i) membuat atau menyebabkan dibuat; atau
    - (ii) menghasilkan atau menyebabkan dihasilkan, suatu akuan, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau tipuan;
  - (b) membuat atau menyebabkan dibuat suatu pemalsuan di dalam Daftar;
  - (c) memalsukan, mengubah atau melancarkan suatu perakuan pendaftaran, perakuan pendaftaran sementara atau permit;
  - (d) menggunakan suatu perakuan pendaftaran, perakuan pendaftaran sementara atau permit yang dipalsukan, diubah atau dilancarkan;

- (e) menyamar sebagai seorang Perancang Bandar berdaftar, Perancang Bandar Siswazah berdaftar, Perancang Bandar asing atau seorang pengarah atau pemegang saham suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar;
- (f) membeli atau secara fraud memperolehi—
  - (i) suatu perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran sementara yang dilceuarkan kepada orang lain; atau
  - (ii) suatu permit yang dilceuarkan kepada suatu pertubuhan perbadanan yang dia bukannya pengarahnya atau pemegang sahamnya; atau
- (g) menjual, menyerahhakkan atau memindahkan—
  - (i) suatu perakuan pendaftaran atau perakuan pendaftaran sementara yang dikelceuarkan kepadanya; atau
  - (ii) suatu permit yang dilceuarkan kepada suatu pertubuhan perbadanan yang dia ialah pengarahnya atau pemegang sahamnya.

(2) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan—

- (a) didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya; dan
- (b) dalam hal Icesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama Icesalahan itu berterusan selepas sabitan.

**45.** Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini adalah melakukan suatu Icesalahan dan jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh, apabila disabitkan—

- (a) didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya; dan

(b) dalam hal kesalahan yang berterusan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

**46.** Jika sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan oleh sesuatu pertubuhan perbadanan, maka seseorang yang, pada masa kesalahan itu dilakukan, ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai serupa itu bagi pertubuhan perbadanan itu atau seseorang yang berupa sebagai bertindak atas kapasiti itu hendaklah, di samping pertubuhan perbadanan itu, disifatkan telah melakukan kesalahan itu, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau bahawa dia telah mengambil langkah yang munasabah untuk mencegahnya daripada berlaku.

Penjalanan pendakwaan.

**47.** Pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan atau dijalankan kecuali dengan kebenaran bertulis Pendakwaraya.

Penjalanan prosiding sivil.

**48.** Lembaga boleh melantik seorang peguambela dan peguamcara untuk memulakan dan menjalankan apa-apa prosiding sivil bagi pihaknya.

## BAHAGIAN VIII

### AM

Perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati.

**49.** Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau diteruskan dalam mana-mana mahkamah terhadap—

- (a) Lembaga;
- (b) seseorang anggota Lembaga;
- (c) sesuatu jawatankuasa;
- (d) seseorang anggota sesuatu jawatankuasa; atau
- (e) seseorang yang diberikuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak Lembaga atau sesuatu jawatankuasa,

bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati pada menjalankan kuasa dan tugasnya di bawah Akta ini.

**50.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam *Warta*, secara am sebagaimana yang perlu atau suaimanfaat—

Kaedah-kaedah.

- (a) bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan Akta ini; dan
- (b) bagi menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan.

**51.** Tiap-tiap Perancang Bandar berdaftar, Perancang Bandar Siswazah berdaftar, Perancang Bandar asing dan pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar adalah tertakluk kepada Akta ini.

Perancang Bandar berdaftar, Perancang Bandar Siswazah berdaftar, dsb. tertakluk kepada Akta ini.

**52.** Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini terpakai bagi apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh atau di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri.

Kecualian tentang hak Kerajaan.

## JADUAL

(Subseksyen 4(3))

1. (1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun di suatu tempat yang ditentukan oleh Pengerusi.

Mesyuarat.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga dan semasa ketiadaannya anggota-anggota Lembaga hendaklah melantik seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Lembaga ialah empat orang.

(4) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, maka Pengerusi atau, jika Pengerusi tidak ada, anggota yang mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

2. Anggota Lembaga hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Menteri.

Elaun.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

3. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan, tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa fee yang ditentukan oleh Lembaga.

Minit.

4. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Penzahiran kepentingan

5. (1) Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—

(a) suatu kepentingan dalam sesuatu syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat sesuatu kontrak; atau

(b) suatu kepentingan dalam sesuatu kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga,

hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Lembaga berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Kesahan tindakan dan prosiding.

6. Tiada apa-apa tindakan yang dilakukan atau prosiding yang dibuat di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

(a) ada suatu kekosongan dalam keanggotaan, atau ada suatu kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;

(b) ada pelanggaran perenggan 5 oleh seorang anggota Lembaga; atau

(c) ada suatu peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

7. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi suatu tanda yang diluluskan oleh Lembaga. Meterai biasa

(2) Meterai biasa itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi Lembaga dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi atau seorang anggota Lembaga yang bertindak semasa ketiadaan Pengerusi.

(4) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai biasa itu dan yang disahkan sebagaimana yang disebutkan dalam subperenggan (3) hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnya sehingga dibuktikan sebaliknya.

(5) Suatu suratikatan, dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa.

(6) Suatu suratikatan, dokumen atau suratcara yang disebutkan dalam subperenggan (5) boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh seorang anggota Lembaga yang diberikuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(7) Meterai biasa Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

8. (1) Wang yang diterima oleh Lembaga sama ada daripada fee yang kena dibayar di bawah Akta ini atau selainnya hendaklah digunakan oleh Lembaga— Penggunaan wang.

(a) pertamanya untuk membayar perbelanjaan pendaftaran dan perbelanjaan lain bagi mentadbirkan Akta ini termasuklah apa-apa perbelanjaan Lembaga yang dibenarkan di bawah Akta ini; dan

(b) kemudian daripada itu untuk menggalakkan dan memajukan profesion perancang bandar dan desa.

(2) Wang yang tidak diperlukan serta merta oleh Lembaga boleh dilaburkan dalam mana-mana sekuriti pemegang amanah yang ditentukan oleh Lembaga, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Menteri.

9. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah menentukan prosedurnya sendiri mengikut budibicaranya. Prosedur.

10. Tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah menumpukan tnsa kepada urusan Lembaga sebanyak yang perlu bagi menjalankan tugasnya dengan berkesan. Anggota Lembaga kena menumpukan masa kepada urusan Lembaga.

## HURAIAN

Akta Perancang Bandar 1995 ("Akta") yang dicadangkan ini bertujuan menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan baru dengan nama "Lembaga Perancang Bandar" yang bertanggungjawab bagi pendaftaran Perancang Bandar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

## BAHAGIAN I

2. Bahagian 1 mengandungi perkara-perkara permulaan.

*Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan tarikh mula berkuatkuasanya Akta. *Fasal 2* mentakrifkan perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta.

## BAHAGIAN II

3. Bahagian II mengandungi peruntukan berhubung dengan Lembaga Perancang Bandar ("Lembaga").

*Fasal 3* menubuhkan Lembaga. *Fasal 4* hingga *7* mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan keanggotaan Lembaga, penamatan dan pembatalan perlantikan dan pengisian kekosongan. *Fasal 8* menyenaraikan fungsi Lembaga. *Fasal 9* memberi kuasa kepada Lembaga untuk meminjam wang. Lembaga dibenarkan melantik jawatankuasa untuk membantunya di dalam *fasal 10*.

## BAHAGIAN III

4. Bahagian III mengandungi peruntukan berkaitan pendaftaran Perancang Bandar.

*Fasal 11* memperkatakan penyimpanan dan penyenggaraan suatu Daftar Perancang Bandar berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar. *Fasal 12* mengadakan peruntukan bagi perlantikan seorang Pendaftar Perancang Bandar dan tugasnya. *Fasal 13* memperkatakan hak seorang Perancang Bandar berdaftar. Sekatan ke atas Perancang Bandar yang tak berdaftar dan Perancang Bandar Siswazah berdaftar dinyatakan di dalam *fasal 14*. *Fasal 15* menetapkan kelayakan bagi pendaftaran sebagai seorang Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar berdaftar. *Fasal 16* dan *17* mengadakan peruntukan mengenai cara membuat permohonan pendaftaran dan bentuk perakuan pendaftaran. *Fasal 18* memperkatakan pendaftaran sementara Perancang Bandar asing. Suatu tanggungjawab untuk memberitahu Pendaftar tentang apa-apa pertukaran alamat dikenakan ke atas seorang Perancang Bandar berdaftar, Perancang Bandar Siswazah berdaftar dan Perancang Bandar asing di dalam *fasal 19*.

## BAHAGIAN IV

5. Bahagian IV mengandungi pemntukan yang memperkatakan amalan perancangan bandar oleh pertubuhan perbadanan.

*Fasal 20* memperihalkan komposisi lembaga pengarah dan pemegang saham pertubuhan perbadanan yang boleh menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar. *Fasal 21* antara lain membenarkan suatu pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar menggunakan gelaran "Perancang Bandar berdaftar". *Fasal 22* memperkatakan cara membuat permohonan permit. *Fasal 23* mengadakan peruntukan tentang bentuk permit. Di bawah *fasal 24* pertubuhan perbadanan hendaklah memberitahu Lembaga tentang apa-apa perubahan komposisi lembaga pengarahnya atau pemegang sahamnya dan pertukaran alamat perniagaannya. Lembaga boleh membatalkan sesuatu permit di bawah *fasal 25* tetapi hanya selepas pendengaran alasan-alasan aduan diadakan dan hak untuk didengar diberikan sebagaimana yang dikehendaki di bawah *fasal 26*. *Fasal 27* menghendaki suatu pertubuhan perbadanan memberhentikan amalannya sebagai Perancang Bandar sebaik sahaja Lembaga membatalkan permitnya. *Fasal 28* adalah berkaitan dengan pemulangan permit apabila ia dibatalkan. Lembaga diberi kuasa untuk mengeluarkan permit baru di bawah *fasal 29*. Perkara-perkara di bawah *fasal 30* tidak boleh dirayui.

## BAHAGIAN V

6. Bahagian V mengandungi peruntukan berkaitan dengan pembatalan pendaftaran, penggantungan daripada menjalankan amalan, penyingkiran dari Daftar dan kemasukan semula ke dalam Daftar.

*Fasal 31* mengadakan peruntukan bagi perlantikan Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib. *Fasal 32* adalah berhubungan dengan penggantungan pendaftaran sementara menanti selesai penyiasatan. *Fasal 33* memperuntukkan perintah yang boleh dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib di bawah hal keadaan yang dinyatakan di dalam *fasal 34*. *Fasal 35* menyenaraikan hal keadaan yang boleh mengakibatkan pendaftaran seseorang Perancang Bandar berdaftar atau Perancang Bandar Siswazah berdaftar menjadi batal dan tak sah. Perkara-perkara berkaitan dengan penyingkiran dari Daftar dan pemulangan perakuan pendaftaran kepada Lembaga apabila disingkirkan dari Daftar terkandung dalam *fasal 36* dan *37*. *Fasal 38* sebaliknya mengadakan peruntukan mengenai kemasukan semula ke dalam Daftar.

## BAHAGIAN VI

7. Bahagian VI mengandungi peruntukan mengenai rayuan.

*Fasal 39* menubuhkan Lembaga Rayuan. Tempoh jawatan dan elaun anggota Lembaga Rayuan dikawalselia di bawah *fasal 40*. *Fasal 41* bertujuan membolehkan Lembaga Rayuan mengawalselia proseduraya sendiri. *Fasal 42* dan *43* adalah berhubungan dengan perkara yang boleh dirayui dan prosedur rayuan.

## BAHAGIAN VII

8. Bahagian VII mengandungi peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan.

*Fasal 44* mengadakan peruntukan bagi kesalahan-kesalahan tertentu di bawah Akta dan penaltinya sementara *fasal 45* mengadakan peruntukan bagi penalti am. *Fasal 46* memperkatakan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan. *Fasal 47* dan *48* memperkatakan perjalanan pendakwaan dan prosiding sivil masing-masingnya.

## BAHAGIAN VIII

9. Bahagian VIII mengandungi peruntukan am.

*Fasal 49* bertujuan melindungi perbuatan atau peninggalan yang dilakukan dengan suci hati. *Fasal 50* bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat kaedah-kaedah dengan kelulusan Menteri. *Fasal 51* bertujuan mengadakan peruntukan bahawa tiap-tiap Perancang Bandar berdaftar, Perancang Bandar Siswazah berdaftar, Perancang Bandar asing dan pertubuhan perbadanan yang menjalankan amalan sebagai Perancang Bandar adalah tertakluk kepada Akta ini. *Fasal 52* ialah peruntukan kecualian bagi melindungi Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri.

## IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1740.]